



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH – Minda Pembaca			
TARIKH	:	8/6/2021	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	KeTSA			

# Penyertaan komuniti jamin kelangsungan kelestarian alam

Aisyah Hanani  
Abdul Rahman,  
Universiti Islam  
Antarabangsa  
Malaysia (UIAM)

**Air Terjun Lata Y di Batu Mengkobang, Kuala Krai, antara tarikan dan lokasi kunjungan rekreasi penduduk tempatan. Latar cantik dan air kebiru-biruan seakan-akan kolam renang itu diberi nama sebegitu kerana bentuk air terjun bercabang dua dan turun seakan-akan huruf Y.**

Baru-baru ini kita dikejutkan berita kerosakan Air Terjun Lata Y tercemar dan berubah keruh. Menurut penduduk tempatan, air terjun itu awalnya jernih dan menjadi tempat rekreasi kini tercemar akibat pembalakan tanpa kawalan di hutan simpan Sungai Rek. Alur sungai dan rizab sungai tidak dijaga sewaktu pembalakan.

Persoalannya, apakah kita tidak mengambil iktibar kesan pembalakan tanpa kawalan?

Kesan buruk pembalakan tanpa kawalan sudah dilihat bertahun-tahun. Banjir teruk melanda Kelantan, kerosakan bentuk muka bumi seperti bukit gondol, kemusnahan air terjun serta sungai menjadi kotor serta terjejas akibat perbuatan ini. Bepapa banyak lagi lata, air terjun dan sungai menanti kerosakan akibat kerakusan manusia?

Oleh itu, penguatkuasaan undang-undang dan pemantauan pihak berwajib perlu ditingkatkan. Tidak mungkin kita akan membiarkan sahaja kemusnahan alam yang dilihat pada air terjun kita.

Baru-baru ini, saya mengikuti perkongsian webinar mengenai pelaksanaan pendidikan kelestarian alam dalam masyarakat di Okayama, Jepun dianjurkan Kulliyah Seni Bina dan Reka Bentuk Persekitaran (KAED), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Menurut perkongsian itu, masyarakat di Okayama pada 1990-an mengumpulkan lebih 10,000 tandatangan masyarakat setempat untuk menentang pembinaan padang golf yang boleh merosakkan

sungai dan ekosistem alam.

Melalui tandatangan dikumpul itu, mereka berjaya menghalang pembinaan padang golf demi menjaga kepentingan alam sekitar dan ekosistem khususnya sungai dan habitat.

Menurut perspektif pendidikan, masyarakat mempunyai kesedaran amat tinggi terhadap isu kelestarian alam. Tahap pembabitn komuniti menguruskan alam sekitar seperti sungai dan paya juga amat tinggi.

Sejak bangku sekolah lagi, anak kecil di Okayama diajar mengenai kepentingan sungai dan alam melalui aktiviti diajarkan di kawasan sungai itu sendiri dengan kawalan pihak sekolah. Mereka berpendapat kanak-kanak belajar melalui pengalaman pertama dirasai sendiri di lapangan.

Kita boleh mengambil pengajaran daripada masyarakat Okayama bahawa kesedaran penduduk setempat dan pembabitn komuniti dalam menyum-

bang amat diperlukan demi menjamin kelangsungan kelestarian alam.

Kerajaan negeri juga perlu bertanggungjawab dan mengawal pembalakan hutan berleluasa di negeri itu. Di manakah lagi harapan untuk perubahan lebih baik demi masa depan alam jika isu ini tidak diambil peduli.

Perlu diingatkan angkuh dan rakusnya manusia terhadap khazanah alam akhirnya tidak membawa apa-apa kebaikan kepada generasi akan datang. Kerosakan air terjun atau sungai tidak mampu diundur lagi, bahkan menjadi liabiliti kepada kerajaan untuk memulihkan kemusnahan terbabit.

Menjadi tanggungjawab dan amanah kita menjaga warisan alam demi generasi masa hadapan. Jika kemusnahan tidak dihentikan bahkan dibiarkan berterusan, kepupusan habitat dan haiwan yang bergantung kepada sumber sungai serta hutan tidak dapat dielakkan lagi.



Aktiviti pembalakan perlu mematuhi peraturan ditetapkan bagi mengelak kemusnahan ekosistem hutan. (Foto hiasan)